



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PEMILIHAN DAN PENGGUNAAN BAHAN SASTERA DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
PERINGKAT MENENGAH ATAS, KBSM**

NORMAH BTE HAJI KARIMIN

FPP 1994 9

**PEMILIHAN DAN PENGGUNAAN BAHAN SASTERA DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
PERINGKAT MENENGAH ATAS, KBSM**

Oleh

NORMAH BTE HAJI KARIMIN

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Untuk Mendapatkan
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Pertanian Malaysia.**

APRIL 1994



PENGHARGAAN

Penulis bersyukur ke hadrat Allah S.W.T atas kudrat dan iradatNya akhirnya tesis ini berjaya juga disiapkan. Banyak pihak yang telah membantu dalam menyempurnakannya. Penulis amat terhutang budi dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada mereka, terutama:

Kepada Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Profesor Madya Hj. Taha bin Abd Kadir (Pengerusi), Tuan Hj. Arbak bin Othman dan Profesor Dr. Abdul Hamid bin Mahmood kerana bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penyelenggaraan tesis ini.

Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Biasiswa dan Bahagian Pendidikan Guru kerana memberikan peluang kepada penulis melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana pada tahun 1990-1992.

Kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor kerana membenarkan penulis menjalankan kajian rintis di beberapa buah sekolah menengah Daerah Klang, dan penyelidikan di sekolah-sekolah menengah di Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.

Kepada Guru-guru Besar, guru-guru dan murid-murid Tingkatan Lima daripada 22 buah sekolah Menengah di Daerah Petaling, Selangor, kerana sudi memberikan kerjasama yang sangat baik dan ikhlas dalam usaha merealisasikan penyelidikan ini.



Kepada Bahagian Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia dan mereka yang terlibat yang telah membenarkan penulis menggunakan kemudahan perpustakaan serta membantu penulis mencari maklumat-maklumat yang diperlukan untuk kajian ini. Tidak lupa juga kepada Cik Sofiah bt. Ramli daripada Pusat Komputer Meranti Shah Alam, yang turut bertungkus lumus menaip tesis ini sehingga selesai.

Kepada Tuan Hj. Abdul Rahman Rukaini dari Dewan Bahasa dan Pustaka dan Tuan Hj. Bekri Salikin (Pengetua Sekolah Menengah Seksyen 16, Shah Alam) kerana dorongan, galakan dan bantuan yang telah diberikan.

Kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Bahasa dan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, rakan-rakan program Master Sains di UPM, rakan-rakan guru seperjuangan, dan sesiapa sahaja yang turut menyumbang dan membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan tesis ini.

Khas kepada Puan Wan Saodah binti Wok dari PPPL UPM yang telah sudi memberi pandangan dan cadangan tentang statistik yang digunakan dalam kajian ini di peringkat awal kajian.

Akhir sekali, penyempurnaan tesis ini hanya dapat menjadi kenyataan kerana doa dan restu serta sokongan yang berterusan daripada suami tersayang, Ir. Ibrahim bin Kamaruddin, doa yang tidak putus-putus oleh ayahanda yang dikasihi, Hj. Karimin bin Muin, pengorbanan



serta doa ikhlas bonda yang dicintai, Norjani bt. Omar, serta anak-anak yang sedia memahami; Nurul Huda, Ahmad Khalil dan Nurul Hanin. Kepada mereka semua, penulis mengabadikan tesis ini.



JADUAL KANDUNGAN

	Halaman	
PENGHARGAAN	ii	
SENARAI JADUAL	viii	
SENARAI RAJAH	x	
SENARAI SINGKATAN	xi	
ABSTRAK	xii	
ABSTRACT	xv	
BAB		
1	PENDAHULUAN	
	Pengenalan	1
	Falsafah Pendidikan Negara	5
	Latar Belakang Bahan Sastera	7
	Bahan Sastera Dan Pendidikan Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah	10
	Pernyataan Masalah	13
	Objektif Kajian	17
	Kepentingan Kajian	18
	Justifikasi Kajian	19
	Batasan Kajian	24
	Definisi Operasional	26
	Pemilihan	26
	Penggunaan	26
	Bahan-bahan Sastera	27
	Pengajaran	27
	Pembelajaran	28
	Bahasa Malaysia/ Melayu	28
	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)	29
2	SOROTAN KARYA YANG BERKAITAN	30
	Pengenalan	30
	Konsep Motivasi	31
	Teori-Teori Motivasi Yang Berkaitan Dengan Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastera Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu	33
	Model Teoritis Tingkahlaku Komunikatif Dan Kaitannya Dengan Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastera	38
	Kerangka Konseptual Untuk Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastera Bagi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu	40



	Halaman
Karya Dan Kajian Tentang Bahan Sastra Di Luar Negara	41
Kajian Tentang Bahan Sastra Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Malaysia	50
3 KAEDAH DAN PROSEDUR PENYELIDIKAN ...	55
Kerangka Teoritis	55
Model Korelasi Pearson	55
Rancangan Penyelidikan	58
Hipotesis	58
Instrumentasi	60
Soal Selidik	60
Temu Bual	61
Tempat Kajian	61
Subjek Kajian	62
Prosedur Mendapatkan Data	63
Prosedur Mengumpulkan Maklumat	63
Prosedur Mentadbirkan Instrumen	64
Pemprosesan dan Analisis Data	64
4 HASIL KAJIAN	66
Profil Subjek Kajian	66
Pengalaman Guru	73
Profil Pelajar	76
Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastra Terserai Oleh Guru Dan Pelajar	78
Hubungan Lama Mengajar Dan Lama Mengajar Bahasa Melayu Dengan Aspek Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastra Terserai	85
Hubungan Aras Minat Guru Terhadap Bahan Sastra Dengan Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastra Terserai	86
Hubungan Pengetahuan Guru Mengenai Kesusasteraan Dengan Aspek Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastra Terserai	87
Keputusan Maklumat Mengenai Faktor-faktor Yang Mendorong Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastra Terserai Bagi Pengajaran Bahasa Melayu, KBSM di Peringkat Menengah Atas	89
Minat Pelajar	92
Keputusan-Keputusan Ujian Hipotesis	92

	Halaman
Keputusan Faktor-faktor Sampingan Yang Boleh Mempengaruhi Masalah Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastera Tersenarai	99
Faktor Beban Tugas	100
Faktor-faktor Lain	102
Pendapat Mengenai Bahan Sastera Tersenarai	103
5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	106
Perbincangan	106
Kesimpulan	111
Syor Atau Cadangan	113
BIBLIOGRAFI	116
LAMPIRAN	
A Senarai Sekolah-Sekolah Contohan Kajian	124
B Soal Selidik Guru	126
C Soal Selidik Murid	149
D Soalan Temubual Untuk Guru	168
E Senarai Buku Sastera Mengikut Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV dan V KBSM	170
LATAR DIRI	179



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Taburan Guru Mengikut Keturunan Dan Jantina	67
2	Taburan Guru Mengikut Umur	68
3	Taburan Guru Mengikut Kelulusan Akademik	68
4	Taburan Guru Mengikut Kelulusan Ikhtisas	69
5	Taburan Guru Mengikut Kaedah Mengajar (Tumpuan Utama/ Tumpuan Kedua)	70
6	Taburan Guru Mengikut Jenis Kursus Di Maktab Perguruan	71
7	Taburan Guru Mengikut Faktor Diberi Tanggungjawab Mengajar Bahasa Melayu	72
8	Taburan Guru Mengikut Pengalaman Mengajar Dan Pengalaman Mengajar Bahasa Melayu	73
9	Taburan Guru Mengikut Pengalaman Memeriksa Kertas Peperiksaan	74
10	Taburan Guru Mengikut Pengalaman Semasa Mengajar Bahasa Melayu	75
11	Taburan Guru Mengikut Pengalaman Aktiviti Kesusasteraan	75
12	Taburan Pelajar Mengikut Beberapa Aspek Profil Diri	77
13	Taburan Guru-Pelajar Yang Membuat Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastera Tersenarai Bagi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu, Di Peringkat Menengah Atas, KBSM	79
14	Min Buku Dipilih Dan Min Buku Diguna Oleh Guru Mengikut Jenis Genre Sastera Tersenarai	79
15	Min Buku Dipilih Dan Min Buku Diguna Oleh Pelajar Mengikut Jenis Genre Sastera Tersenarai	81



16	Taburan Guru Mengikut Aspek Pengajaran Bagi Bahan Sastera Tersenarai Yang Dipilih Dan Digunakan	84
17	Korelasi Di Antara LGM Dengan Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastera Tersenarai	85
18	Korelasi Di Antara Lama Guru Mengajar Bahasa Melayu Dengan Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastera Tersenarai	86
19	Korelasi Di Antara Minat Guru Terhadap Bahan Sastera Tersenarai Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastera Tersenarai.....	86
20	Korelasi Di Antara Faktor Pengetahuan Guru Mengenai Kesusasteraan Dengan Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastera Tersenarai.....	87
21	Analisis Regresi Berganda Bagi Faktor Pengalaman Mengajar Bahasa Melayu, Minat, Dan Pengetahuan Mengenai Kesusasteraan Dengan Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastera Tersenarai	89
22	Taburan Guru Mengikut Sumber Bahan Sastera Yang Dipilih Dan Digunakan Bagi Pengajaran Bahasa Melayu	90
23	Korelasi Di Antara Minat Pelajar Dengan Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastera Tersenarai Bagi Pembelajaran Bahasa Melayu, Di PMA KBSM	92
24	Keputusan Ujian-t Ke Atas Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastera Kepada Berpengetahuan Kesusasteraan	93
25	Keputusan Hipotesis 2	94
26	Keputusan Hipotesis 3	95
27	Nilai Korelasi (r) dan Nilai 'Z' Bagi Sampel Minat Guru Dan Minat Pelajar	97
28	Taburan Guru Mengikut Banyak Kelas Bahasa Melayu Yang Diajar	101
29	Taburan Guru Mengikut Mata Pelajaran Yang Diajar Selain Bahasa Melayu	102



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Bahagian-bahagian Bagi Kajian Bahan Sastera	20
2	Hierarki Keperluan Maslow	34
3	Hubungan Komunikatif Newcomb	38
4	Model Pengajaran-Pembelajaran Di Bilik Darjah Dunkin & Biddle	56
5	Kerangka Teoritis Kajian	57



SENARAI SINGKATAN

BM	=	Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu
BS	=	Bahan Sastera
BST	=	Bahan Sastera Tersenarai
PMA	=	Peringkat Menengah Atas
PPK	=	Pusat Perkembangan Kurikulum
KBSM	=	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	=	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
HSPBM	=	Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia
LGM	=	Lama Guru Mengajar
LGMBM	=	Lama Guru Mengajar Bahasa Melayu
FPN	=	Falsafah Pendidikan Negara
PGMK	=	Pengetahuan Guru Mengenai Kesusasteraan



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian
Malaysia sebagai memenuhi sebahagian dari syarat-syarat
keperluan untuk ijazah Master Sains.

**PEMILIHAN DAN PENGGUNAAN BAHAN SASTERA DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
PERINGKAT MENENGAH ATAS KBSM**

Oleh

NORMAH BTE HJ. KARIMIN

APRIL 1994

Pengerusi : Profesor Madya Hj. Taha Abd Kadir

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Satu kajian tentang pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (BM) peringkat menengah atas, Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), perlu dijalankan memandangkan kepentingan bahan tersebut dalam pengajaran BM terutama dalam konteks KBSM kini dan juga di kalangan guru untuk membuat pemilihan dan penggunaan bahan tersebut bagi pengajaran BM terutama di peringkat menengah atas.

Oleh itu tujuan kajian ini ialah untuk mencari maklumat-maklumat yang menyebabkan timbulnya masalah dalam pemilihan dan penggunaan bahan sastera bagi pengajaran dan pembelajaran BM di peringkat menengah atas, KBSM.

Subjek kajian terdiri daripada 114 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu di tingkatan 4 dan 5, dan 114 orang pelajar tingkatan 5, daripada 22 buah sekolah menengah di Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.



Dua kaedah telah digunakan untuk mengumpulkan data, iaitu soal selidik dan temu bual. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang profil guru, minat guru terhadap bahan sastera, pengalaman guru, pengetahuan guru terhadap kesusasteraan; profil pelajar, minat pelajar terhadap bahan sastera, dan hal-hal lain berkaitan pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran BM di peringkat menengah atas, KBSM.

Teknik temu bual digunakan untuk mendapatkan maklumat lanjutan berkaitan dengan pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran BM di peringkat menengah atas, KBSM.

Data dianalisis dengan menggunakan analisis univariat, bivariat dan multivariat. Teknik deskriptif dan analitikal digunakan untuk tujuan tersebut.

Keputusan kajian menunjukkan faktor-faktor minat, pengalaman mengajar mata pelajaran BM, dan pengetahuan tentang aspek-aspek kesusasteraan mempengaruhi guru membuat pemilihan dan penggunaan Bahan Sastera Tersenarai (BST) dalam sukatan pelajaran BM bagi pengajaran BM di peringkat menengah atas.

Penemuan yang lain menunjukkan pihak sekolah mesti memainkan peranan dalam memastikan apa jua saranan daripada pihak Kementerian Pendidikan dilaksanakan sewajarnya. Selain itu senarai bahan sastera yang disarankan dalam sukatan pelajaran BM perlu dikaji semula untuk disusun mengikut kesesuaian tahap pelajar dan membuat

suatu garis panduan tentang penggunaan bahan sastera tersebut mengikut kewajarannya, dalam pengajaran aspek-aspek bahasa.

Penemuan kajian ini memberikan maklumat bahawa guru-guru BM perlu mempunyai minat terhadap bahan sastera, pengalaman mengajar mata pelajaran BM dan pengetahuan mengenai aspek-aspek kesusasteraan, dalam memastikan mereka membuat pemilihan dan penggunaan BST bagi pengajaran dan pembelajaran BM di peringkat menengah atas. Selain itu pihak sekolah perlu menitikberatkan hal-hal kesediaan guru, kesediaan bahan pengajaran dan hal-hal yang berkaitan keberkesanan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di sekolah secara menyeluruh.



Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian
Malaysia as partial fulfillment of the requirements
for the degree of Master of Science.

**SELECTION AND USAGE OF LITERATURE MATERIALS IN THE
TEACHING AND LEARNING OF BAHASA MELAYU
AT THE KBSM UPPER SECONDARY LEVEL**

By

NORMAH BTE HJ. KARIMIN

APRIL 1994

Chairman : Assoc. Professor Hj. Taha Abd Kadir

Faculty : Faculty of Educational Studies

A study on the choice and usage of literature materials in the teaching and learning of Bahasa Melayu (BM) at the upper secondary level under the Intergrated Curriculum for Secondary Schools (KBSM) was undertaken. This is because of the importance of these materials in the teaching of BM, more so in the context of the KBSM and the fact that there still exist problems amongst teachers on the choice and usage of these materials.

This study focuses on finding the relevant factors that cause problems pertaining to the choice and usage of the literature materials for the teaching and learning of BM at the upper secondary level.

The subjects of this study consist of 114 teachers who are directly involved in the teaching of BM at the Form 4 and 5 levels. In addition, 114 Form 5 students from 22 secondary schools in Petaling District, Selangor Darul Ehsan were also considered.



Two methods were used in the data collection, i.e. by questionnaires and by interview. The questionnaires were used to obtain relevant information on teachers' / students' profiles, teachers' / students' interest in literature material, teachers' experience, teachers' knowledge on literature, and other factors concerning the choice and usage of the literature materials in the teaching and learning of BM to the said target.

The interview technique was used to gather additional information relevant to the choice and usage of the literature materials.

The data were analysed by means of the univariant, bivariant and multi-variant analysis. Descriptive and analytical techniques were used for such purposes.

The findings of the study showed that factors, such as interest, BM teaching experience, and knowledge on literature had an influence on the teachers' choice of specific literature materials in the teaching of BM. In addition, the study showed that teachers' interest had a significant influence on the interest of the students. Other findings suggest the schools to ensure that suggestions / policies of the Ministry of Education on the choice and usage of the literature materials need to be implemented with conviction. It is also proposed that a review be done on the current list of proposed literature materials in line with their appropriateness and proper level for students usage. There is also a need for a well defined guideline on the usage of these literature materials especially on their suitability in the teaching of certain aspects of the language.

This study conclusively showed that BM teachers need to have an interest in the literature materials, experienced in the teaching of Bahasa Melayu and are knowledgeable in most aspects of literature in order to be able to choose and use the proper materials that are enlisted for the teaching of BM at the upper secondary level. The school administrators need to ensure that teachers preparedness, the availability of the literature materials and other factors that would enhance the effectiveness of teaching and learning as a whole.



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Pemilihan dan penggunaan bahan-bahan sastra dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (BM) di peringkat sekolah menengah (tingkatan 1 - 4) memang telah lama diamalkan. Sejak tahun-tahun sebelum 1957 lagi bahan sastra telah diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran BM iaitu bermula dengan bahan puisi di darjah dua dan diperluas serta dilanjutkan hingga ke darjah lima dengan penggunaan bahan prosa untuk kemahiran membaca dan pemahaman (Asmah Hj. Omar, 1984:2).

Pengajaran bahan sastra dalam pengajaran dan pembelajaran BM adalah berbeza daripada pengajaran kesusasteraan sebenar. Bahan sastra tidak dikaji secara terperinci tetapi hanya digunakan sebagai bahan rangsangan sahaja, untuk mengajar bahasa. Walau bagaimanapun bahan sastra yang dipilih dan digunakan khususnya di Peringkat Menengah Atas (PMA) adalah bertujuan untuk menyediakan asas pelajaran kesusasteraan dan juga untuk mengukuhkan penguasaan pelajaran BM pelajar-pelajar secara am (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1978).

Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), pemilihan dan penggunaan bahan sastra dalam pengajaran dan pembelajaran BM di PMA telah diberi perhatian yang istimewa. Sebelum KBSM, tidak ada senarai buku-buku sastra yang telah dipilih dan diiktiraf oleh pihak Kementerian Pendidikan. Guru-guru perlu mencari



bahan sastera sendiri tanpa rujukan dan perkara ini menimbulkan masalah kepada mereka. Dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (HSPBM) di PMA KBSM, terdapat senarai bahan sastera yang banyak dan sangat menarik untuk dipilih dan digunakan oleh guru-guru. Namun begitu sejauh mana senarai bahan sastera yang telah diiktiraf dan disarankan oleh pihak Kementerian Pendidikan dalam HSPBM itu telah dipilih dan digunakan oleh guru-guru perlulah dikaji untuk melihat kewajaran serta keberkesanan senarai bahan sastera tersebut. Selain itu kajian juga bertujuan mencari maklumat tentang masalah-masalah yang berlaku dalam pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran BM.

Bahan-bahan sastera seperti novel, cerpen dan puisi bukanlah merupakan bahan-bahan yang asing kepada pelajar-pelajar di peringkat menengah. Mereka telah pernah diperkenalkan sejak di peringkat rendah lagi dan mereka juga membaca sendiri bahan-bahan tersebut dengan bebas di luar sekolah. Oleh itu bahan sastera merupakan salah satu bahan pengajaran yang boleh digunakan secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran BM. Walau bagaimanapun sehingga kini, penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran BM khususnya di PMA masih lagi bermasalah. Keberkesanan bahan sastera sebagai bahan pengajaran BM masih belum lagi dapat dipastikan.

Sehubungan perkara tersebut, beberapa kajian telah pun dibuat oleh beberapa orang pengkaji seperti Mohd. Amin Arshad (1988) dan Juriah Long dan Siti Hawa (1991). Malah kajian-kajian khusus mengenai pendekatan pengajaran mengikut jenis-jenis bahan sastera (seperti novel, puisi, cerpen dan lain-lain) dalam pengajaran Kesusasteraan juga telah

dikaji seperti yang dibuat oleh Adi Badiozaman Tuah (1978), Noriah Bakar (1986), Ishak Ramly (1988) dan lain-lain. Namun demikian, kajian-kajian tersebut masih belum dapat menjawab masalah-masalah yang masih wujud terutama dalam pemilihan dan penggunaan bahan sastera bagi pengajaran dan pembelajaran BM di PMA. Oleh itu pengkaji merasakan masih perlu lagi dibuat kajian-kajian lain mengenai pemilihan dan penggunaan bahan sastera khususnya bagi pengajaran dan pembelajaran BM.

Keistimewaan-keistimewaan bahan sastera sebagai satu bahan pengajaran bahasa telah banyak diperkatakan oleh ahli-ahli bahasa, ahli-ahli akademik maupun sasterawan-sasterawan. Contohnya, Kamaruddin Hj. Husin (1990:226) menegaskan dalam bukunya bahawa dalam konteks KBSM, bahan sastera telah dianggap penting dan diutamakan. Hal ini juga telah dirumuskan dalam sukatan pelajaran BM KBSM, iaitu KBSM memberikan tumpuan kepada Pendidikan Bersepadu agar pelajar menjadi insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Justeru itu pendidikan BM KBSM menitikberatkan aspek-aspek ini dan sangat prihatin untuk menggunakan bahan sastera sebanyak mungkin dan secara berterusan dari tingkatan 1 hingga ke tingkatan 5. Keperihatinan ini juga jelas dituliskan seperti berikut:

...Unsur sastera dalam pendidikan BM adalah meliputi bahan-bahan sastera yang berbentuk novel, cerpen, sajak, drama, cerita klasik dan puisi lama seperti pantun, syair, gurindam, seloka dan bahasa berirama. Buku-buku sastera yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan hendaklah digunakan.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987)

Selain itu Ibrahim Saad (1990:160) menegaskan dan menggariskan keperluan KBSM dan faktor-faktor yang dimasukkan sebagai dasar bagi KBSM. Antara faktor-faktor itu ialah penyatuan antara teori dan amali, penyatuan antara bidang sains dan kemanusiaan, penghayatan antara lahiriah dan batiniah dan juga penekanan kepada kurikulum dan kokurikulum. Hal ini sebenarnya memberi sokongan kepada penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran BM terutama di PMA KBSM. Dalam hal ini kesepaduan di antara penghayatan bahasa dan pengamalan (penggunaan) BM sebenarnya memang dapat diajar melalui bahan sastera.

Dalam hal ini juga Knapton dan Evans (1976:4) mengatakan dalam buku mereka, seperti berikut:

...Guru bahasa yang baik tidak menafikan hakikat bahawa untuk menguasai sesuatu bahasa dengan baik dan memperoleh nilai-nilai kemanusiaan yang luhur, adalah melalui hasil-hasil kesusasteraan, kerana bahasa dan sastera merupakan satuan yang tidak boleh dipisahkan.

(Knapton dan Evans, 1976:4)

Sastera boleh digunakan sebagai alat untuk membentuk personaliti, mengasah fahaman diri, pemikiran, menghalusi nilai keindahan dan merupakan perantaraan yang penting dalam proses seseorang kanak-kanak dalam usaha menguasai dan memperolehi nilai-nilai hidup bagi menyesuaikan diri dengan kehidupan dan budaya masyarakatnya (Azman Wan Cik, 1987).

Oleh itu pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran BM pada amnya merupakan bahan

pengajaran yang paling tepat bagi mata pelajaran tersebut, bersesuaian dengan hasrat KBSM dan Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

Falsafah Pendidikan Negara

Reformasi dalam sistem pendidikan di negara Malaysia berlaku di sekitar akhir tahun 1970-an. Reformasi ini berlaku ekoran daripada syor-syor yang telah diajukan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran pada tahun 1974. Laporan Jawatankuasa ini telah diterbitkan pada tahun 1979. Sehubungan dengan reformasi ini terguballah Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1980 dan dilaksanakan pada tahun 1982 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1987 dan dilaksanakan pada tahun 1989.

Ekoran daripada reformasi ini, pada tahun yang sama (1989), Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal suatu Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang baru, dan segala perubahan dalam kurikulum mestilah sejajar dengan falsafah tersebut.

Program-program pendidikan dalam KBSR dan KBSM harus mencapai matlamat FPN itu, yang berbunyi seperti berikut:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

(Falsafah Pendidikan Negara
Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990:3).

Sehubungan ini pembentukan semula KBSM yang dirumus berdasarkan aspirasi FPN, mempunyai lima perkara yang dititikberatkan iaitu:

- a. Struktur sistem persekolahan;
- b. Falsafah, matlamat dan konsep pendidikan;
- c. Prinsip organisasi kurikulum dan mata pelajaran bagi PMR dan PMA;
- d. Peperiksaan; dan
- e. Pelaksanaan.

Perubahan ini merupakan perubahan yang 'total'. KBSM prihatin tentang unsur 'sepadu' seperti dalam faktor-faktor berikut:-

1. Dari segi ilmu, sepadu bermakna penyatuan teori dan amali.
2. Dari segi bidang, sepadu bermakna penyatuan bidang sains dan kemanusiaan.
3. Dari segi mata pelajaran, sepadu bermakna penghayatan jasmaniah dan batiniah.
4. Dari segi kurikulum, sepadu itu bermakna penekanan kepada kurikulum dan kokurikulum.
5. Dari segi kekuatan pelajaran, sepadu itu bermakna integrasi dari segi kaum dan wilayah.
6. Dualisme, iaitu pengukuhan ilmu akal dan ilmu wahyu.
7. Dari segi bahasa, penyatuan penggunaan bahasa Melayu merentas kurikulum.
8. Dari segi nilai diterapkan dalam semua mata pelajaran.

(Ibrahim Saad, 1990:160)

Justeru itu, pihak penggubal kurikulum (Pusat Perkembangan Kurikulum atau PPK) di Kementerian Pendidikan begitu prihatin dengan apa juga perubahan yang dilakukan yang mestilah memenuhi hasrat dan cita-cita FPN tersebut. Dalam hal ini PPK mula prihatin mengenai pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran BM di PMA KBSM.

Latar Belakang Bahan Sastera

Bahan-bahan sastera yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah karya-karya kesusasteraan Melayu seperti novel, cerpen, puisi moden (sajak), puisi lama (pantun, syair, seloka, gurindam dan lain-lain), hikayat lama dan drama yang disenaraikan dalam HSPBM, di PMA KBSM. Kesemua jenis bahan sastera ini ada digunakan dalam pengajaran bahasa Melayu sejak dari pelaksanaan kurikulum lama lagi. Namun begitu, KBSM telah memberikan penekanan baru ke atas bahan sastera tersebut untuk digunakan secara meluas bagi pengajaran dan pembelajaran BM terutama di PMA.

Karya-karya sastera mempunyai ciri-ciri keistimewaan tertentu yang tidak terdapat pada bahan-bahan lain. Keistimewaan-keistimewaan tersebut seperti pengungkapan peribadi manusia, pengalaman-pengalaman, pemikiran, idea, semangat, perasaan dan keyakinan diri (Jacobs Sumardjo, 1988:18).

De Boer (1951:204) pula mengatakan bahawa ciri-ciri ini jika didedahkan kepada pelajar-pelajar membolehkan mereka membina pemikiran kritis dan menanam nilai-nilai murni yang boleh digarap